

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen 20 Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Lembaga menurut peruntukan tersebut membuat skim berikut :

NAMA DAN TARIKH PENGUATKUASAAN

Skim ini hendaklah dikenali sebagai Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Pindaan 2021).

1. TAFSIRAN

Dalam skim ini melainkan jika ada makna lain yang terjelas daripada konteksnya, tafsiran berikut akan terpakai :-

- a. **“Dalam Ibu Pejabat”** ertinya tempat Pegawai itu bertugas dalam lingkungan 25 km daripada kampus induk Universiti.

- b. **“Elaun Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA)”** ertinya Elaun Sara Hidup yang diberikan mengikut kadar yang diluluskan oleh Unversiti iaitu Kadar A (Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Seberang Perai, Johor Baharu, Shah Alam, Sepang, Klang, Kajang, Petaling Jaya, Ampang, Sabah dan Serawak) sebanyak RM 1200.00 dan Kadar B (Tempat-tempat lain) sebanyak RM 1000.00 sebulan.

PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

- c. **“Force Majeure”** ertinya adalah termasuk apa-apa arahan daripada Kerajaan atau kerajaan di tempat latihan, peperangan, rampasan kuasa, pemberontakan, kekacauan awam, atau bencana alam termasuk dan tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, ribut taufan atau ombak besar, atau letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau radiasi, atau pandemik atau sebab-sebab atau bahaya-bahaya lain yang di luar kawalan Kerajaan atau Universiti, sepertimana yang diperuntukkan di dalam Perjanjian.

- d. **“Jawatankuasa”** ertinya Jawatankuasa Cuti Belajar.

- e. **“Kerajaan”** ertinya Kerajaan Malaysia termasuk Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) / Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) / agensi kerajaan.

- f. **“Ketua Pusat Tanggungjawab”** ertinya Ketua Pusat Tanggungjawab hakiki kepada Pegawai yang memohon.

- g. **“Kursus Jangka Pendek”** ertinya kursus sepenuh masa termasuklah lawatan sambil belajar, seminar atau bengkel yang tempohnya tidak melebihi tiga (3) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

- h. **“Kursus Jangka Sederhana”** ertinya kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi tiga (3) bulan tetapi tidak melebihi dua belas (12) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik.
- i. **“Kursus Jangka Panjang”** ertinya kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi dua belas (12) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik.
- j. **“Kos Sebenar”** ertinya Elaun yang diterima sepanjang menjalani Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA).
- k. **“Latihan Skim Sangkut Industri”** ertinya suatu tempoh yang diluluskan meliputi:
 - a. tempoh Latihan Skim Sangkut Industri yang diikuti termasuk hari kelepasan mingguan, hari kelepasan am dan tertakluk kepada kalendar akademik yang diluluskan oleh Senat Universiti yang jatuh dalam masa latihan itu;
 - b. tempoh perjalanan ke tempat latihan dan perjalanan balik selepas latihan mengikut jalan yang paling dekat.
- l. **“Lembaga”** ertinya Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

- m. **“Luar Ibu Pejabat”** ertinya bermakna satu lingkungan tempat Pegawai bertugas melebihi 25 km daripada kampus induk Universiti.

- n. **“Pegawai”** ertinya staf akademik Gred DS 45 dan ke atas juga DV 41 dan ke atas yang telah disahkan ke jawatan tetap atau mana-mana staf akademik yang diluluskan dari semasa ke semasa.

- o. **“Perjanjian”** ertinya Perjanjian Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) yang ditandatangani oleh Pegawai.

- p. **“Sakit / Sakit Kronik”** ertinya sebagai penyakit yang memerlukan rawatan berterusan dan berpanjangan atau lebih seperti kencing manis, darah tinggi, asma kronik, tibi dan apa-apa penyakit yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan pakar yang berdaftar.

- q. **“Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA)”** ertinya skim yang diluluskan oleh Universiti kepada seseorang Pegawai bagi mengikuti latihan jangka sederhana dan latihan jangka panjang secara sepenuh masa. Dalam tempoh tersebut, Pegawai dibenar meninggalkan tugas hakiki dan tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau berhenti kerja.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

- r. **“Tempat Latihan”** ertinya penempatan yang telah diluluskan bagi Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) dalam dan luar Negara sebagaimana yang dinyatakan seperti berikut :
- i. Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)
 - ii. Industri Swasta
 - iii. Agensi Kerajaan yang terpilih
 - iv. Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau
 - v. Mana-mana agensi yang diluluskan oleh Jawatankuasa
 - vi. Universiti Awam / Universiti Swasta / Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf.
- s. **“Tempoh Ikatan Perkhidmatan”** ertinya tempoh ikatan Perkhidmatan sepertimana Perjanjian Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- t. **“Tempoh Perjanjian”** ertinya tempoh Perjanjian sepertimana yang dinyatakan di dalam Perjanjian Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- u. **“Tempoh Sangkut Industri”** ertinya tempoh Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) sepertimana Perjanjian Sangkut Industri Akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

- v. "Urus setia" ertinya Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar.
- w. "Universiti" ertinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2. TUJUAN

Skim ini adalah satu kemudahan kepada Pegawai bagi membantu merealisasikan misi Universiti untuk melahirkan ahli profesional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketerampilan melalui pendidikan teknikal dan perkongsian pintar di antara Universiti dan industri. Galakkan kepada mereka untuk menambah kepakaran melalui perkongsian aktiviti di industri bagi tujuan pengiktirafan Badan-badan Profesional / lain-lain Badan Profesional dengan menyediakan peluang supaya boleh mendapat pengalaman yang membolehkan mereka mendapat status profesional.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Membantu merealisasikan misi Universiti dengan cara menyediakan tenaga pengajar yang berpotensi tinggi untuk melahirkan ahli profesional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketerampilan melalui pendidikan teknikal dan perkongsian pintar di antara Universiti dan industri.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

- 3.2 Kaedah pembelajaran yang berorientasikan aplikasi dan amalan yang menepati kehendak pasaran dapat menambah nilai kepada Pegawai yang berjaya menjalani Sangkut Industri.
- 3.3 Bagi tujuan pengiktirafan Badan-badan Profesional / Ikhtisas/ Agensi dengan menyediakan peluang supaya boleh mendapat pengalaman yang membolehkan mereka mendapat status profesional.

4. TEMPOH SKIM SANGKUT INDUSTRI

4.1 Tempoh Latihan

Tempoh minimum yang dibenarkan untuk mengikuti Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) dalam satu masa sekurang-kurangnya adalah dua (2) minggu hingga dua belas (12) bulan dengan tempoh pelaksanaan selama dua (2) tahun. Selepas tempoh dua (2) tahun kelulusan dianggap batal dan dikehendaki membuat permohonan semula.

4.2 Tamat Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA)

- 4.2.1 Pegawai yang mengikuti Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) di luar Melaka adalah dikehendaki melapor diri bertugas di Universiti sehari selepas tamat tempoh keseluruhan latihan yang diluluskan pada hari bekerja dan waktu yang ditetapkan. Bagi

PERATURAN DAN PROSEDUR

SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pegawai yang mengikuti Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) di Melaka adalah dikehendaki melapor diri bertugas di Universiti pada tarikh tamat tempoh keseluruhan latihan tersebut.

- 4.2.2 Pegawai dikehendaki mengemukakan laporan keseluruhan latihan setelah tamat tempoh Sangkut Industri dalam masa 30 hari. Kegagalan untuk menghantar laporan akhir akan menyebabkan Pegawai tidak akan dipertimbangkan untuk menjalani apa-apa skim seumpamanya di masa hadapan serta surat Amaran / Teguran akan dikeluarkan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (TNC (A&A) kepada Pegawai berkenaan dan direkodkan.
- 4.2.3 Apabila tamat Sangkut Industri, Pegawai akan dikekalkan di jawatan asal dan menerima gaji dan semua kemudahan yang Pegawai berkecualan.
- 4.2.4 Pegawai dalam bidang kejuruteraan dikehendaki mendapatkan gelaran Ir. (Jurutera Profesional) dalam tempoh dua (2) tahun selepas tarikh Lapor Diri tamat Sangkut Industri di Universiti. Sekiranya Pegawai gagal mendapatkan gelaran Ir. (Jurutera Profesional) dalam tempoh yang ditetapkan maka tindakan Pecah Kontrak akan dikenakan kerana melanggar terma perjanjian dan boleh mengakibatkan tuntutan semula segala elaun yang telah diberikan oleh Universiti kepada Pegawai sepanjang mengikuti Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA).

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

5. SYARAT PERMOHONAN

- 5.1 Warganegara Malaysia.
- 5.2 Pegawai berjawatan tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan.
- 5.3 Pegawai Universiti Gred DS 45 dan ke atas juga DV 41 dan ke atas atau mana-mana Staf Akademik yang diluluskan oleh Jawatankuasa dari semasa ke semasa.
- 5.4 Bebas daripada pertuduhan atau tindakan tartatertib untuk tempoh dua (2) tahun terakhir.
- 5.5 Pegawai boleh mengikuti Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) setelah genap dua (2) tahun berkhidmat atau telah melapor diri daripada mengikuti mana-mana kursus jangka panjang kecuali mendapat kelulusan Jawatankuasa.
- 5.6 Bagi Pegawai yang baru melapor diri dari pinjaman ke agensi lain dan masih mempunyai baki ikatan perkhidmatan tidak mencukupi adalah tidak layak mengikuti Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) melainkan dengan kelulusan Universiti.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

6. PERMOHONAN DAN KELULUSAN

Pemohon Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) hendaklah :

- 6.1 Dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) yang dikeluarkan oleh Universiti dan disertakan bersama butiran berikut :
 - 6.1.1 mengisi Borang Permohonan Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA);
 - 6.1.2 mendapatkan surat kebenaran dari industri tempat latihan dijalankan;
 - 6.1.3 mendapatkan sokongan Ketua Pusat Tanggungjawab;
 - 6.1.4 mengisi borang lantikan mentor (bagi memperoleh Sijil) jika berkaitan;
 - 6.1.5 menyediakan jadual perbatuan (*gantti chart*) sepanjang tempoh menjalani sangkut industri; *dan*
 - 6.1.6 menyertakan profil tempat latihan Pegawai akan menjalani sangkut industri.

- 6.2 Permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Bakat, melalui Ketua Pusat Tanggungjawab masing-masing dalam tempoh yang tidak kurang dari tiga (3) bulan

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

kalender sebelum tarikh cadangan memulakan Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA).

7. TEMPAT LATIHAN

7.1 Pegawai hendaklah menjalani Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) yang berkaitan dengan bidang tugas dan mengikut keperluan fakulti dan Universiti.

7.2 Pegawai adalah tidak dibenarkan menukar bidang atau Tempat Latihan tanpa kebenaran Universiti. Kelulusan Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) terbatal sekiranya tempat dan bidang ditukar tanpa kebenaran Universiti akibatnya Pegawai boleh di ambil tindakan pecah kontrak kerana melanggar terma perjanjian dan boleh mengakibatkan tuntutan semula segala elaun yang telah diberikan oleh Universiti kepada Pegawai sepanjang mengikuti Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA).

8. PERTUKARAN TEMPAT LATIHAN / PENYELIA / MENTOR

8.1 Pegawai mestilah menamatkan latihan di Tempat Latihan seperti mana tawaran serta kelulusan Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA).

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

8.2 Pegawai tidak dibenarkan bertukar Tempat Latihan / Penyelia / Mentor tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan dan kelulusan secara bertulis dari Universiti dan pihak penaja sekiranya berkenaan.

9. PENANGGUHAN LATIHAN SKIM SANGKUT INDUSTRI

Pegawai tidak dibenarkan membuat sebarang penangguhan Latihan Skim Sangkut Industri tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Universiti dan penaja sekiranya berkenaan. Jika dilakukan, Pegawai akan ditamatkan SSIA dan penajaannya sekiranya berkenaan dengan serta merta. Pegawai akan dipanggil balik dan akan dikenakan tindakan tatatertib serta membayar ganti rugi pecah kontrak kerana melanggar perjanjian.

10. PELANJUTAN TEMPOH SANGKUT INDUSTRI

10.1 Sekiranya Pegawai gagal menamatkan Tempoh Sangkut Industri yang telah ditetapkan dan berhasrat memohon pelanjutan Tempoh Sangkut Industri, Pegawai hendaklah memohon pelanjutan tempoh dari Universiti sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum Tempoh Sangkut Industri sedia ada itu berakhir. Permohonan ini hendaklah:-

10.1.1 memberi butir-butir tentang tempoh pelanjutan yang diperlukan serta sebab-sebabnya; dan

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

10.1.2 disertakan dengan sokongan dan perakuan secara bertulis dari
Tempat Latihan Pegawai; dan

10.2 Kegagalan mengemukakan permohonan dalam masa yang ditetapkan
atau mengemukakan permohonan yang kurang lengkap boleh
menyebabkan permohonannya ditolak / lewat diproses.

10.3 Permohonan pelanjutan Tempoh Sangkut Industri tertakluk kepada
peraturan dan keputusan Universiti.

11. LAPORAN LATIHAN

11.1 Pegawai bertanggungjawab untuk menghantar laporan kemajuan
latihan atau keputusan latihan secara berkala setiap tiga (3) bulan
latihan ke Unit Pengembangan Kerjaya dan Pematuhan Kontrak,
Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar. Sekiranya pegawai
memilih tempoh *flexible* dua (2) minggu maka laporan kemajuan
digenapkan kepada tiga (3) bulan untuk menghantar laporan Skim
Sangkut Industri Akademik (SSIA).

11.2 Sekiranya laporan kemajuan Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA)
tidak memuaskan, atau laporan daripada penyelia menunjukkan
Pegawai tidak menjalankan tugas dengan sempurna atau Pegawai tidak

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

berada di tempat latihan Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA), Pegawai boleh dipanggil balik dari Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) serta elaun boleh ditamatkan dan ditarik semula. Pegawai juga boleh diambil tindakan tatatertib sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Universiti.

11.3 Tindakan bagi Pegawai yang gagal menghantar laporan kemajuan seperti ketetapan Universiti adalah seperti berikut:

11.3.1 Amaran dan/atau;

11.3.2 Tahan elaun Skim Sangkut Industri dan/atau;

11.3.3 Pegawai boleh dipanggil balik dari Skim Sangkut Industri serta ditamatkan dan/atau;

11.3.4 Pegawai juga boleh diambil tindakan tatatertib sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.

12. EMOLUMEN

12.1 Emolumen

12.1.1 Semasa mengikuti latihan Sangkut Industri Akademik, Pegawai akan dibayar emolumen dan elaun-elaun yang melayakkan oleh Universiti kepada Pegawai mengikut jawatan hakikinya.

12.1.2 Pegawai yang gagal menghantar laporan kemajuan latihan selama dua (2) kali (enam bulan) berturut-turut. Pegawai

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Universiti berhak untuk menahan emolumen dan elaun latihan
serta meneruskan notis tindakan tatatertib.

13. ELAUN DAN LAIN-LAIN BANTUAN

Semasa mengikuti Skim Sangkut Industri, Pegawai adalah layak menerima elaun-elaun, dan lain-lain bantuan dengan syarat-syarat seperti berikut:-

13.1 Elaun Sara Hidup (ESH)

13.1.1 Pegawai yang mengikuti Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) di dalam negara akan dibayar Elaun Sara Hidup (ESH) Dalam Negara mengikut kadar A (Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Seberang Perai, Johor Baharu, Shah Alam, Sepang, Klang, Kajang, Petaling Jaya, Ampang, Sabah dan Sarawak) sebanyak RM 1,200.00 dan kadar B (Tempat-tempat lain) sebanyak RM 1,000.00 bulanan bagi setiap empat (4) bulan atau mengikut jadual yang ditetapkan oleh Universiti dan / atau penaja.

13.1.2 Pegawai yang mengikuti Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) di luar negara akan dibayar Elaun Sara Hidup (ESH) mengikut ketetapan Syarat-syarat Pemberian Elaun dan Kadar Elaun Biasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

13.2 Elaun Penempatan (EP) - Luar Negara sahaja

13.2.1 Elaun Penempatan (EP) akan dibayar sebelum Pegawai bertolak ke Tempat Latihan iaitu dengan tujuan untuk membantu menampung perbelanjaan-perbelanjaan runcit seperti tambang perjalanan dari rumah ke Lapangan Tebang, upah mengangkut barang-barang. Perbelanjaan penginapan dan makan sebelum mendapat tempat tinggal yang tetap di Negara berkenaan, perbelanjaan runcit. Dengan pemberian elaun ini, Pegawai tidak dibenarkan membuat apa-apa tuntutan berkenaan dengan perbelanjaan-perbelanjaan tersebut di atas.

13.2.2 Elaun Penempatan bagi Pegawai bujang atau Pegawai yang tidak membawa keluarga akan dibayar dengan kadar satu setengah (1 ½) bulan Elaun Sara Hidup tertakluk kepada syarat bahawa tempoh latihan sembilan (9) bulan dan lebih.

13.3 Elaun Pakaian Panas - Luar Negara Sahaja

Elaun Pakaian Panas (EPP) akan dibayar kepada Pegawai yang mengikuti SSIA di Negara beriklim sederhana tertakluk kepada syarat bahawa Pegawai tidak menerima elaun ini dalam tempoh tiga (3) tahun sebelum tarikh kuatkuasa latihan tertakluk kepada Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang berkuatkuasa.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

13.4 Elaun Akhir Pengajian (Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA))

Luar Negara

13.4.1 Tertakluk kepada Peraturan Dan Prosedur ini, Pegawai akan dibayar seperti syarat berikut :

13.4.1.1 dibayar mengikut kadar bujang (tempoh latihan 9 hingga 12 bulan)

13.4.1.2 dibayar sekali sebelum tamat SSIA.

13.4.1.3 Pegawai tidak layak menuntut elaun perjalanan dari Tempat Latihan ke rumah.

13.4.2 Elaun ini akan dibayar setelah Pegawai kembali ke Malaysia selepas menamatkan SSIA, bagi tujuan untuk menampung perbelanjaan seperti tambang dari rumah ke lapangan terbang di Negara berkenaan dan dari lapangan terbang ke tempat kediaman, upah mengangkut barang-barang, cukai lapangan terbang, perbelanjaan membawa barang-barang lebihan dan lain-lain perbelanjaan runcit. Dengan pemberian elaun ini Pegawai tidaklah boleh membuat apa-apa tuntutan berkenaan dengan perbelanjaan-perbelanjaan tersebut di atas;

13.4.3 Elaun Akhir Pengajian bagi Pegawai bujang atau Pegawai yang tidak membawa keluarga akan dibayar dengan kadar enam puluh peratus (60%) daripada sebulan Elaun Sara Hidup.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

13.5 Rawatan dan Kemudahan Perubatan - Luar Negara Sahaja

13.5.1 Kemudahan perubatan yang diluluskan kepada Pegawai yang menjalani Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) di luar negara adalah melalui peruntukan seperti berikut:-

13.5.1.1 Peruntukan bagi Negara yang ada skim insuran kesihatan tempatan:

13.5.1.1.1 di Negara-Negara terdapatnya skim insuran kesihatan, contohnya di Amerika Syarikat Pegawai hendaklah mencarum di bawah skim insuran tersebut dan Universiti akan membayar :

13.5.1.1.1.1 Premium insuran bagi Pegawai;

13.5.1.1.1.2 Perbezaan tuntutan rawatan Pegawai yang tidak dibayar sepenuhnya oleh pihak insuran kesihatan berkenaan.

13.5.1.2 Pegawai hendaklah mengemukakan kepada Universiti ini salinan perkara-perkara seperti berikut:-

13.5.1.2.1 Kad Ahli Skim Insuran Kesihatan; dan

13.5.1.2.2 Polisi atau Skim Insuran Kesihatan.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

13.5.2 Tuntutan pembayaran premium insuran kesihatan Pegawai tidak akan dibayar oleh Universiti sehinggalah perkara-perkara di atas diterima oleh Universiti ini.

13.5.3 Peruntukan bagi Negara yang tidak terdapat Skim Insuran Kesihatan adalah seperti berikut :-

13.5.3.1 di Negara-Negara tidak terdapat Skim Insuran Kesihatan, rawatan yang layak dibayar adalah rawatan perubatan di hospital dan klinik kerajaan. Walau bagaimanapun dalam kes kecemasan rawatan di klinik swasta boleh dipertimbangkan.

13.5.4 Tanggungan bagi keluarga Pegawai :-

13.5.4.1 Keluarga Pegawai yang tidak mengiringi Pegawai ke luar negara adalah layak mendapat rawatan perubatan dalam negara di bawah Skim Kemudahan Perubatan Staf dan Pesara UTeM – Edisi 2020 (Pekelling Pentadbiran Bilangan 15 Tahun 2021).

13.5.4.2 Universiti ini tidak akan menanggung bayaran perbelanjaan perubatan atas rawatan yang diperolehi / dijalani dari Klinik Swasta.

13.6 Tambang Perjalanan

13.6.1 Pegawai adalah layak mendapat kemudahan perjalanan sebagaimana diperuntukkan di dalam Peraturan Kewangan dan

PERATURAN DAN PROSEDUR

SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Perakaunan Universiti (PKPU), elaun atau tambang perjalanan yang ditanggung oleh Universiti ialah untuk pergi dan balik iaitu sekali di awal dan sekali di akhir SSIA sahaja.

13.6.2 Pegawai akan mendapat kemudahan tambang perjalanan pergi balik ke Tempat Latihan mengikut jalan yang terdekat dan / atau kadar tambang yang termurah.

13.6.3 Tiket penerbangan akan dikeluarkan hanya setelah Pegawai lengkap menyempurnakan semua syarat bagi kelulusan SSIA.

13.6.4 Semua urusan berkenaan dengan tiket kapal terbang Pegawai akan diuruskan oleh Universiti. Tuntutan pembelian tiket kapal terbang yang dibeli oleh Pegawai tidak akan dipertimbangkan.

13.6.5 Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai untuk memastikan keselamatan dan kesihatan dijaga dengan baik sepanjang perjalanan.

13.6.6 Semua kadar pembayaran elaun-elaun adalah merujuk kepada Buku Panduan, Syarat-syarat dan Kadar-kadar Elaun & Biasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU).

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

14. BANTUAN KEWANGAN / KEMUDAHAN LUAR

Kecuali dengan kebenaran Universiti, Pegawai tidak boleh menerima apa-apa bantuan kewangan dan kemudahan dari sumber lain selain dari Universiti ini atau penaja yang diluluskan oleh Universiti. Apa-apa bantuan yang diterima akan diselaraskan oleh Universiti. Sekiranya diketahui bahawa Pegawai menerima elaun atau bayaran dari sumber lain tetapi tidak melaporkan kepada Universiti ini maka tindakan tatatertib boleh diambil ke atas Pegawai dan Universiti boleh menarik balik atau menamatkan kelulusan Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA).

15. FAEDAH

15.1 Kenaikan pangkat

Dalam masa tempoh Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA), Pegawai adalah layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan asal mengikut sebagaimana yang ditetapkan.

15.2 Faedah Persaraan

15.2.1 Perkhidmatan Pegawai dalam tempoh Sangkut Industri Akademik adalah diambil kira bagi tujuan perkiraan faedah persaraan.

PERATURAN DAN PROSEDUR

SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

- 15.2.2 Universiti adalah bertanggungjawab mengenai urusan pencen dan lain-lain kemudahan perkhidmatan.
- 15.2.3 Pegawai tidak dibenarkan memasuki skim faedah persaraan (KWSP / Anuiti) yang disediakan oleh pihak yang melatih.
- 15.3 Cuti
- 15.3.1 Jika gaji penuh adalah dibayar oleh Universiti, Pegawai adalah tidak layak menggunakan kemudahan cuti dalam masa tempoh Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) mengikut Pekeliling Perkhidmatan dan peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa; atau
- 15.3.2 Cuti dan ketidakhadiran Pegawai di dalam tempoh Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) adalah tertakluk kepada peraturan dan kelulusan pihak yang berkenaan.
- 15.3.3 Perkhidmatan Pegawai semasa mengikuti Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) ini tidak akan diambil kira bagi tujuan kelayakan untuk dipertimbangkan Cuti Sabatikal.
- 15.3.4 Pegawai yang mengikuti Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) di Universti Teknikal Malaysia Melaka, cuti Pegawai adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) dimana sangkut industri dijalankan dan tidak melibatkan cuti di Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM).

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

16. PERJANJIAN TEMPOH IKATAN GANTI RUGI DAN LAIN-LAIN

- 16.1 Pegawai yang ditawarkan Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) oleh Universiti hendaklah menandatangani Perjanjian dengan Universiti sepertimana yang dinyatakan di dalam Surat Kelulusan dan Tawaran Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) Universiti. Bagi Pegawai yang menerima tajaan dari Tempat Sangkut Industri Akademik (Kerajaan), akan menandatangani dua (2) perjanjian iaitu Perjanjian Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) dengan Universiti dan perjanjian dengan Tempat Sangkut Industri Akademik sekiranya perlu.
- 16.2 Tempoh Ikatan Perkhidmatan adalah tertakluk kepada Tempoh Sangkut Industri yang diluluskan oleh Universiti sepertimana yang ditetapkan di dalam Perjanjian. Tempoh Ikatan Perkhidmatan adalah berbeza bergantung kepada Tempoh Sangkut Industri yang diluluskan Universiti.
- 16.3 Sekiranya Pegawai tidak menandatangani atau menyempurnakan Perjanjian di dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh Surat Kelulusan dan Tawaran Sangkut Industri Akademik Universiti atau sebelum Pegawai memulakan Latihan Skim Sangkut Industri, maka kelulusan dan tawaran Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) akan ditarik balik.
- 16.4 Apabila tamat Tempoh Sangkut Industri yang diluluskan Universiti, Pegawai hendaklah berkhidmat dengan Universiti untuk suatu tempoh

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

yang ditetapkan oleh Universiti bermula daripada tarikh Pegawai melaporkan diri di Universiti.

16.5 Bagi Pegawai yang gagal mematuhi atau ingkar atau melanggar, atau menyebabkan dirinya gagal mematuhi atau ingkar atau melanggar mana-mana terma dan syarat di dalam Perjanjian yang ditandatangani, Universiti berhak untuk menuntut ganti rugi daripada Pegawai sejumlah wang sepertimana yang ditetapkan di dalam Perjanjian.

16.6 Senarai lengkap tempoh ikatan dan bayaran gantirugi adalah seperti di dalam Perjanjian Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA).

17. LAPORAN PEMERIKSAAN KESIHATAN

Hasil dari pemeriksaan kesihatan sebagaimana yang dikehendaki oleh Surat Kelulusan dan Tawaran Skim Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) ini, jika sekiranya laporan pemeriksaan kesihatan tersebut menunjukkan bahawa Pegawai tidak berkeupayaan (*unfit*) untuk mengikuti kursus maka kelulusan dan tawaran Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) ini akan ditarik balik.

18. SAKIT TERUK DAN BERPANJANGAN

18.1 Pegawai dikehendaki memaklumkan kepada Universiti sekiranya mendapat sakit teruk dan berpanjangan yang boleh menyebabkan

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

latihan Pegawai terjejas atau tidak dapat diteruskan. Universiti boleh menarik balik dan menamatkan kelulusan Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) dan tidak akan melayani apa-apa tuntutan gantirugi berkenaan perkara ini.

18.2 Antara ciri-ciri tahap serius sakit dan berpanjangan perlu ada unsur-unsur :

18.2.1 mengancam nyawa(*Life threatening*)

18.2.2 rawatan / perubatan dengan kos yang tinggi dan berterusan

18.2.3 *Acute medical illness requiring admission to hospital*

18.3 Antara penyakit yang terlibat :

- i) Kanser;
- ii) Serangan jantung;
- iii) Sakit buah pinggang yang kronik;
- iv) Sakit hati (*liver*) yang kronik;
- v) *Fulminant Viral Hepatitis*;
- vi) Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- vii) Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- viii) Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- ix) Pemindahan organ utama;
- x) Penyakit Parkinson;
- xi) Penyakit HIV dan Aids;

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

- xii) Pemindahan Kaki dan/atau tangan;
- xiii) *Mental Illness: Bipolar Disorders, Skizofernia, Major Depression;*
- xiv) Kecederaan atau kecacatan fizikal yang dialami semasa menjalani kursus yang disahkan oleh pakar perubatan Kerajaan dan / atau pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja sebagai tidak sihat untuk meneruskan latihan; dan
- xv) Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan latihan oleh pakar perubatan Kerajaan dan/atau pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja.

18.4 Walaupun demikian Universiti atas pertimbangan tertentu, setelah mendapat bukti bahawa Pegawai tidak dapat meneruskan latihan kerana disebabkan sakit berpanjangan boleh menangguh atau menamatkan latihan Sangkut Industri Akademik Pegawai dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

19. TATATERTIB

Dalam Tempoh Sangkut Industri, Pegawai adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] ("AUKU"), Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 mana-mana peraturan lain yang berkaitan yang sedang berkuat kuasa dari masa ke semasa.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

20. TUGAS

20.1 Pegawai adalah dikehendaki :

20.1.1 Memberitahu tentang ketibaannya di Tempat Latihan (Luar Negara), alamat kediaman, alamat bank dan sebagainya dengan mengisi Borang Maklumat Diri Di Tempat Latihan. Borang yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

Unit Pengembangan Kerjaya dan Pematuhan Kontrak

Seksyen Cuti Belajar

Bahagian Pembangunan Bakat

Pejabat Pendaftar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hang Tuah Jaya, 76100

Durian Tunggal, Melaka

(sebarang pertukaran alamat hendaklah diberitahu kepada Universiti).

20.1.2 Menumpukan sepenuh perhatian kepada latihan yang diikuti dan menghadiri syarahan-syarahan / kuliah, latihan amali dan sebagainya yang ditetapkan;

20.1.3 Kembali ke Universiti dengan segera sebaik-baik sahaja latihan tamat

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

21. TANGGUNGJAWAB

21.1 Kelakuan

21.1.1 Semasa mengikuti latihan, Pegawai di kehendaki berkelakuan sebagai seorang penuntut yang bertanggungjawab dan dikehendaki mematuhi arahan-arahan / peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Universiti dan Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa. Tindakan sewajarnya akan diambil andainya Pegawai melanggar arahan / peraturan yang dikeluarkan itu;

21.1.2 Sekiranya Pegawai didapati atau dilaporkan terlibat dalam mana-mana kes jenayah dan apa-apa kesalahan yang akan mencemarkan nama baik Malaysia atau Universiti maka tindakan tatatertib akan diambil. Selain itu, kelulusan cuti belajar dan pemberian biasiswa Universiti ini akan ditamatkan. Sekiranya ini berlaku, Pegawai akan di panggil balik dan dikehendaki membayar ganti rugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam perjanjian; dan

21.1.3 Sepanjang Tempoh Sangkut Industri, Pegawai tidak dibenarkan membuat perjalanan ke lain-lain negara kecuali dengan kelulusan Universiti ini. Sekiranya Pegawai diluluskan untuk pergi ke negara berkenaan, maka Universiti ini tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan yang terlibat akibat

PERATURAN DAN PROSEDUR

SKIM SANGKUT INDUSTRI AKADEMIK (SSIA)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

perjalanan tersebut. Sekiranya didapati atau dilaporkan melakukan perjalanan sedemikian tanpa kelulusan, maka tindakan tatatertib akan diambil dan SSIA serta Biasiswa ini boleh ditamatkan. Sekiranya ini berlaku, Pegawai akan dipanggil balik dan dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian.

21.2 Pegawai yang tidak menyelesaikan kursusnya atau gagal latihan dan gagal mengemukakan laporan akhir, Universiti berhak mengenakan tindakan undang-undang tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

22. HAK UNIVERSITI

Walau apapun perbekalan dalam Kelulusan Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA), Universiti ini berhak meminda apa-apa peraturan dan peruntukan syarat-syarat di atas dan / atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan dan Pegawai adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan dan / atau tambahan tersebut. Universiti juga berhak menarik balik tawaran ini atau menamatkan elaun Universiti pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan Universiti tidak akan melayani apa-apa tuntutan ganti rugi berkenaan / akibat dari perkara ini.